

11/10/1999

Tidak perlu persoal agama dalam KPT

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Ahad - Kabinet membuat keputusan memasukkan perkataan agama seseorang sebagai ciri baru dalam kad pengenalan bermutu tinggi (KPT). selepas mengambil kira pandangan semua pihak, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, keputusan itu dibuat setelah penelitian lanjut termasuk pandangan menteri Kabinet yang mewakili pelbagai fahaman agama.

"Tidak ada sebarang niat atau sebarang dasar terselindung untuk melakukan sebarang diskriminasi. Ini bukan satu isu," katanya selepas merasmikan mesyuarat agung Koperasi Belia Nasional Bhd (Kobena) di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas rasional tindakan itu serta gesaan Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM) yang meminta kerajaan mengkaji semula keputusan memasukkan perkataan agama di dalam KPT.

Naib Presiden JIM, Zaid Kamarudin, semalam berkata biar pun langkah itu dialu-alukan bagi tujuan penguatkuasaan, ia sebaliknya boleh menjadi isu sensitif kerana membabitkan soal agama selain boleh menggalakkan mereka yang tidak bertanggungjawab mengakui mereka penganut agama yang ingin dianuti yang boleh mendatangkan pelbagai masalah berkaitan.

Abdullah berkata, langkah itu dilakukan atas sebab-sebab praktikal termasuk kes kematian kerana agama seseorang itu penting untuk diketahui kerana nama saja tidak cukup untuk membuat kesimpulan bagi menentukan agama.

Katanya, keputusan Kabinet itu sebenarnya sudah lama dibuat tetapi baru saja dilaksanakan. Ia bukan satu keputusan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

"Ada orang kata, nama pada kad pengenalan sudah memadai tetapi ada juga nama yang tidak membayangkan orang itu, orang Islam. (Datuk) Railey Jeffrey, umpamanya bukan nama Islam, tapi dia orang Islam iaitu timbalan menteri kita (Timbalan Menteri Kerja Raya).

"Jadi jangan ingat nama itu kita sudah boleh simpulkan dia Islam atau bukan Islam. Ini bukan satu masalah, yang tak patut dihebohkan oleh mana-mana pihak sekalipun. Rakyat Malaysia sekarang ini, orang Melayu rupa Cina atau sebaliknya dan begitu juga orang India, tetapi beragama Islam," katanya.

Mengenai mesyuarat Majlis Tertinggi Umno semalam, beliau yang juga Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden berkata, ia tidak membincangkan sebarang perkara perjawatan dalam parti.

"Lebih baiklah kita tidak buat sebarang spekulasi mengenainya," kata beliau.

Mengenai arahan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Pergerakan Wanita Umno melipatgandakan kempen memastikan pengundi wanita tidak diperdaya oleh dakyah pembangkang, Abdullah berkata:

"Nasihat yang diberi Perdana Menteri itu sudah dianggap sebagai satu perkara yang sewajarnya kerana wanita memainkan peranan begitu penting dalam jentera BN.

"Wanita yang menjadi perayu undi terbukti keberkesanannya dan saya yakin pada kali ini wanita akan sekali lagi membuktikan keberkesanan mereka menjalankan kempen bagi pihak BN."

Terdahulu dalam ucapannya, Abdullah berkata kerajaan akan terus memberi bantuan kepada Kobena supaya usaha yang diceburinya berjaya.

Beliau berkata Kobena perlu dibantu kerana kerajaan masih menganggapnya sebagai projek belia yang unggul tetapi menasihatkan supaya politik pengurusan dikurangkan untuk tidak menjejaskan kemajuan pertubuhan itu.

Katanya, pembabitan Kobena dalam industri teknologi maklumat adalah tepat kerana ia adalah satu-satunya industri yang pesat berkembang dan diminati belia.

(END)